

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 27.5.2015

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa pemegang ijazah Sarjana Muda pendidikan dari Universiti Tun Abdul Razak tidak diberi peluang mengajar sebagai guru di sekolah Kerajaan. Berapa graduan dari Sarawak dan Sabah yang kini dalam keadaan sedemikian

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, dasar pengambilan dan penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 adalah dalam kalangan graduan pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pengajian sepenuh masa yang telah diunjurkan latihannya untuk mengisi kekosongan jawatan yang terhad.

Ini adalah berikutan pelaksanaan dasar perkhidmatan awam yang kejut, pelanjutan umur persaraan wajib kepada 60 tahun dan penyerapan 13,184 Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) ke jawatan PPP Gred DG41 telah menyebabkan kekosongan jawatan PPP adalah terhad dan kekosongan jawatan hanya tertakluk PPP yang dikeluarkan dari sistem seperti bersara wajib, bersara pilihan dan meletak jawatan.